

**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN :** LISAN

**DARIPADA :** Y.B. Puan Rubiah binti Haji Wang  
[ Kota Samarahan ]

**TARIKH :** 12.03.2014

**SOALAN :**

**Y.B. Puan Rubiah binti Haji Wang [ Kota Samarahan ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan apakah pendirian Kementerian dalam isu denda dan disiplin di sekolah dan apakah cadangan Kementerian dalam memperbaiki segera masalah ini dengan membandingkan perihal ibu bapa, guru dan murid pada zaman dahulu dengan ibu bapa, guru dan murid pada zaman sekarang.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) sentiasa peka dan mengambil berat berhubung isu denda dan disiplin di sekolah. Sehubungan itu, dari masa ke semasa pihak KPM telah mengeluarkan Surat Pekeliling Ikhtisas (SPI) berhubung pelaksanaan disiplin sebagai langkah awal dan peringatan dalam menangani isu disiplin. Antaranya *SPI Bil. 4/1996: Pelaksanaan Kuasa Disiplin dan Hukuman*; dikeluarkan kepada pihak Jabatan Pendidikan Negeri, Pejabat Pendidikan Daerah dan khususnya di peringkat sekolah. Di samping itu, beberapa Surat Pekeliling Ikhtisas seperti *SPI Bil. 8/2001: Pemantapan Pengurusan Disiplin di Sekolah* dan *SPI Bil. 7/2011: Pelaksanaan Standard Operating Prosedure (SOP) 1:3:7 Pelaporan dan Menangani Isu Disiplin Murid*, dikeluarkan bagi menyokong dan memastikan pengurusan disiplin di sekolah dilaksanakan mengikut peraturan dan prosedur yang ditetapkan.

Peranan Ibu bapa dan guru adalah sama baik zaman dahulu mahu pun sekarang, ibu bapa pada masa kini dan guru mempunyai peranan dan tanggungjawab masing-masing dalam membentuk sikap, nilai dan akhlak murid melalui pelaksanaan disiplin yang baik.

Salah satu usaha atau pendekatan yang diambil oleh KPM ialah dengan penyediaan kaedah pembelajaran yang lebih ceria dan kondusif dalam usaha mengatasi masalah disiplin dalam kalangan murid melalui pelaksanaan Amalan Guru Penyayang. Program amalan guru penyayang merupakan program yang menekankan aspek nilai kasih sayang serta sifat kepedulian terhadap murid agar murid terasa diri dan kehadiran mereka adalah penting dan tidak terasa disisih.

Melalui Inisiatif dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025, iaitu Penglibatan Ibu Bapa, Komuniti dan Sektor Swasta, KPM telah menubuhkan Jawatankuasa *Taskforce Penglibatan Ibu Bapa, Komuniti dan Sektor Swasta* di semua peringkat Jabatan Pendidikan Negeri (JPN) dan Pejabat Pendidikan Daerah (PPD) bagi memastikan pelaksanaan inisiatif berkenaan berjalan dengan lancar dan menepati objektif serta hasrat PPPM 2013-2025 untuk memastikan ibu bapa memberi sumbangan ke arah menangani isu disiplin di sekolah.